



## Datuk Musa julang 'Dacing Keadilan'

■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menjulang tinggi cenderamata 'Dacing Keadilan' pemberian Majlis Peguam Malaysia, sejurus selepas merasmikan Persidangan Undang-undang Malaysia, anjuran majlis tersebut di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, pagi semalam.

Memerhatikan sambil tersenyum ialah Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Suffian (kiri) dan Presiden Majlis Peguam Malaysia, Encik G. T. S. Sidhu (kanan).

Kira-kira 1,000 orang, kebanyakannya peguam, termasuk pemerhati luar negeri, hadir di persidangan tiga hari itu.

Sebanyak 14 ker-taskerja yang menyentuh lima tajuk semasa, antaranya, 'Perlindungan Hak Pengguna', 'Adakah Etika Amalan Perundangan Masa Kini Mencukupi?' dan 'Wajarkah Hukuman Mati Dihapuskan', dibentangkan di persidangan itu.

Datuk Musa yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, semasa berucap berkata, pengorbanan kebebasan dan kelstimewaan individu dan massa ada kalanya harus dilakukan demi menegakkan keadilan pentadbiran dan sosial di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia